

01 MAY 1999

Hishammuddin-Pembangkok

PEMUDA DIINGATKAN JANGAN IKUT RENTAK PEMBANGKANG

KUALA TERENGGANU, 1 Mei (Bernama) -- Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini mengingatkan seluruh anggota pergerakan itu supaya tidak terikut-ikut dengan rentak parti pembangkang yang cuba menabur fitnah serta membakar bendera UMNO dan Barisan Nasional (BN).

Hishammuddin berkata, permainan membakar bendera dan menabur fitnah yang dilakukan pembangkang sebenarnya boleh membawa kesan buruk terhadap kestabilan politik dan kesejahteraan rakyat di negara ini.

Pemuda UMNO tidak pernah takut dengan serangan pihak pembangkang tetapi akan bertindak dengan strategi tertentu pada waktu dan keadaan yang lebih sesuai tetapi bukan dengan menurunkan atau membakar bendera parti pembangkang.

"Kita tidak rela anggota Pemuda membakar atau menurunkan bendera parti pembangkang kerana itu bukanlah cara perjuangan kita walaupun mereka tidak menghormati parti kita," katanya kepada pemberita selepas majlis penutup Himpunan Perkasa Pemuda UMNO Terengganu di sini, hari ini.

"Pemuda UMNO bukanlah samseng yang akan menggunakan taktik kotor untuk menghadapi pembangkang dan saya yakin seluruh anggota kita telah matang dalam menilai sesuatu tindakan yang dilakukan pihak lawan," katanya lagi.

Beliau juga berkata pergerakan itu sedang mengumpul maklumat berhubung jumlah anggotanya yang belum mendaftar sebagai pemilih.

"Jawatankuasa Pengurusan Pemuda yang dipengerusikan Datuk Kadir Sheikh Fadzir sedang meneliti perkara itu dan apabila ia siap, tindakan segera akan diambil bagi memastikan mereka mendaftar sebagai pemilih," katanya.

Hishammuddin yang juga pemangku ketua Pergerakan Pemuda BN berkata, Pemuda BN akan mengadakan konvensyen di Sabah pada pertengahan Jun depan bagi membincangkan gerak kerja dalam menghadapi serangan pihak pembangkang.

Sementara itu mengenai lawatan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail ke Manila beliau berkata, ia membuktikan bahawa parti itu tidak mendapat sokongan rakyat di negara ini.

Jika betul Keadilan mendapat sambutan rakyat Malaysia Dr Wan Azizah tidak perlu lagi merayu sokongan daripada pihak asing, katanya.

Dr Azizah tidak boleh membandingkan Datuk Seri Dr Mahathir dengan bekas Presiden Filipina Marcos kerana yang pasti Dr Mahathir sendiri bukanlah seperti bekas Presiden Filipina itu, kata beliau

-- BERNAMA

AYB PR